

CNS6785

U GB 20-07 00185 BH612

aab

Mahathir - Charapong

CHAKRAPONG TINGGALKAN MALAYSIA APABILA ADA NEGARA SEDIA TERIMA

PULAU PINANG, 20 Julai (Bernama) -- Kerajaan akan mengarahkan Putera Norodom Chakrapong meninggalkan Malaysia apabila terdapat negara lain yang bersedia menerimanya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, Kabinet yang bermesyuarat di sini hari ini, telah membincangkan kedudukan Charapong yang melarikan diri ke Malaysia selepas dikatakan gagal dalam cubaan rampasan kuasa di Kemboja.

Beliau memberitahu pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat yang berlangsung kira-kira tiga setengah jam itu bahawa antara negara berkenaan ialah Perancis.

Semalam, Perdana Menteri berkata kerajaan mahu bekas Timbalan Perdana Menteri Kemboja itu meninggalkan Malaysia secepat mungkin. Phnom Penh juga telah memaklumkan Kuala Lumpur bahawa ia mahu Chakrapong meninggalkan negara ini sebelum lawatan kedua-dua Perdana Menteri, Putera Norodom Ranaridh dan Hun Sen ke Malaysia.

Dr Mahathir berkata mesyuarat Kabinet turut membincangkan pelbagai isu semasa tetapi enggan mengulas lebih lanjut.

Ketika ditanya mengenai tindakan DAP yang akhir-akhir ini mendakwa memperjuangkan kepentingan Melayu di Pulau Pinang, Dr Mahathir berkata, DAP berhak berbuat demikian kerana negara mengamalkan demokrasi. -- lagi

▼20/07/15-55MST

U GB 20-07 00167 BH613

aab

Mahathir - Chakrapong 2 (akhir) Pulau Pinang

Mengenai dakwaan DAP bahawa ia kini mempunyai 11,000 penyokong Melayu di negeri ini, beliau berharap orang Melayu yang berbuat demikian mendapatkan pertolongan DAP.

Beliau berkata sejak dahulupun DAP berminat mendapatkan sokongan Melayu, tetapi orang Melayu tidak mudah menerimanya kerana parti pembangkang itu sentiasa bersikap perkauman.

"Jika ada orang Melayu yang menerima DAP, kita tidak boleh menghalangnya kerana negara ini mengamalkan demokrasi," katanya sambil menegaskan jika orang Melayu sedia diperalatkan oleh Lim Kit Siang (Setiausaha Agung DAP), ia terpulanglah kepada mereka sendiri.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat dan Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik adalah antara menteri yang hadir pada mesyuarat itu.

Dr Mahathir mengadakan mesyuarat kabinet di sini pada akhir lawatan rasmi tiga harinya ke Pulau Pinang bermula Isnin lepas. -- Bernama

ANR KHY SIA

▼20/07/16-00MST